

PENINGKATAN TAHAP PENDIDIKAN PERSYARAH DALAM KERJAYA: SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK

MASLEA BONTI MASHIN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00085503 5

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA *

JUDUL: PENINGKATAN TAHAP PENDIDIKAN PENSYARAH DALAM KERJAYA
SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya MASLIZA BINTI MASKIN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO 2284 LORONG 72 TAMAN RIA

08000 SUNGAI PETANI

KEDAH DARULAMAN.

EN. KHAIRUL AZMAN B. MOHD SUHAIMY


Nama Penyelia

Tarikh: 4HB MAC 2004

Tarikh: 4 HB MAC 2004

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Encik Khairul Azman b. Mohd Suhaimy
Tarikh : 4 Mac 2004

**PENINGKATAN TAHAP PENDIDIKAN PENSYARAH DALAM KERJAYA:
SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK**

MASLIZA BINTI MASKIN

**Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

FEBRUARI 2004

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : MASLIZA BINTI MASKIN
Tarikh : 04-03-04

DEDIKASI

Buat keluarga tercinta
Doa kalian mengiringi kejayaan ini.

Buat suami tercinta
Terima kasih atas pengorbanan dan kesabaran yang ditunjukkan

Buat rakan seperjuangan
Semoga kejayaan terus mengejar perjalanan hidup ini
Terima kasih atas segala dorongan dan sokongan kepadaku untuk meneruskan
perjuangan ini.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Illahi di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Semoga dengan usaha saya yang tidak seberapa ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkenaan serta mampu menjadi panduan dan maklumat yang berguna kepada sesiapa jua yang membacanya.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing yang dihormati, Encik Khairul Azman Mohd Suhaimy di atas bimbingan, panduan serta komitmen yang diberikan sepanjang proses penghasilan Projek Sarjana ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pelajar dan pensyarah Politeknik Port Dickson yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang melengkapkan projek sarjana ini terutamanya rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa bersama dalam mengharungi cabaran ini. Semoga kejayaan menjadi milik kita bersama. Insyaallah.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan persepsi pelajar terhadap peningkatan tahap pendidikan pensyarah dalam aspek penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pengajaran, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), minat dan profesionalisme dalam kerjaya. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau sejauh mana peningkatan tahap pendidikan pensyarah terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pengajaran, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), minat dan profesionalisme dalam kerjaya. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai sumber data dan diedarkan kepada 80 pelajar Diploma Politeknik Port Dickson yang mewakili Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Awam, Mekanikal dan Perdagangan. Keseluruhan data kajian dianalisis menggunakan SPSS 11.5 dengan membuat pengiraan ujian skor min. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang positif di antara peningkatan tahap pendidikan pensyarah dengan penguasaan ilmu pengetahuan pensyarah (4.35), kemahiran pengajaran pensyarah (4.094), proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) pensyarah (4.136), peningkatan minat pensyarah (4.152) dan profesionalisme pensyarah (4.258). Kesimpulannya, peningkatan tahap pendidikan pensyarah merupakan satu faktor dalam pembangunan kerjaya pensyarah

ABSTRACT

The purpose of this study is to see the student's perception of the lecturer's educational in knowledge acquired, teaching skill, teaching and learning process, and improvement enthusiasm and professionalism career improvement. Questionnaires were used as an instrument to obtain 80 diploma students of Polytechnic Port Dickson from Electrical Department, Civil Department, Mechanical Department and Commerce. Data collection was analyzed using SPSS version 11.5, which represented by mean scores. The findings show that there are positive relations between knowledge acquired (4.35), teaching skills (4.094), teaching and learning process improvement (4.136), and enthusiasm (4.152) and professionalism career (4.258) by student's perception. In conclusion educational background does influence lecturers' performance career at polytechnic.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	PENGENALAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Batasan Kajian	10
	1.9 Definisi Istilah	11

1.	Pensyarah/Guru	11
2	Politeknik	11
3	Kerjaya	12

BAB II**SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Pembangunan Kerjaya	15
2.3	Pembangunan Pekerja	17
2.4	Pensyarah Sebagai Peneraju Pekerja Berpengetahuan (<i>K-Workers</i>)	18
2.5	Latar Belakang Responden	20
2.5.1	Latar Belakang Pendidikan Pensyarah	21
2.5.2	Penguasaan Ilmu Pengetahuan	21
2.5.3	Penguasaan Kemahiran Mengajar Dalam Bengkel/ Makmal	22
2.5.4	Minat dan Kebolehan Pensyarah	23
2.5.5	Profesionalisme Pensyarah	23
2.6	Teori Hierarki Keperluan	25
2.7	Teori Kepuasan Kerja	28
2.8	Teori Kaunseling Kerjaya	30

BAB III**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Instrumen Kajian	31
3.3.1	Bahagian A	32
3.3.2	Bahagian B	33

3.4	Kajian Rintis	34
	3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	35
3.5	Kaedah Pungutan Data	36
3.6	Populasi dan Persampelan	36
3.7	Kaedah Penganalisan Data	37
3.8	Kronologi	39
3.9	Andaian	40
3.10	Rumusan	40

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	41
4.2	Latar Belakang Responden	42
	4.2.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	42
	4.2.2 Taburan Responden Berdasarkan Umur	43
4.3	Dapatan Kajian	43
4.4	Soalan Kajian 1: Peningkatan Tahap Pendidikan Pensyarah Terhadap Penguasaan Ilmu Pengetahuan	45
4.5	Soalan Kajian 2: Peningkatan Tahap Pendidikan Pensyarah Terhadap Kemahiran Pengajaran	47
4.6	Soalan Kajian 3: Peningkatan Tahap Pendidikan Pensyarah Terhadap Proses Pengajaran dan pembelajaran (P&P)	49
4.7	Soalan Kajian 4: Peningkatan Tahap Pendidikan Pensyarah Terhadap Peningkatan Minat Dalam Kerjaya	51

4.8	Soalan Kajian 5: Peningkatan Tahap Pendidikan Pensyarah Terhadap Peningkatan Profesionalisme	53
4.9	Rumusan	54

BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	55
5.2.1	Peningkatan Tahap Pendidikan Terhadap Penguasaan Ilmu Pengetahuan	56
5.2.2	Peningkatan Tahap Pendidikan Terhadap Kemahiran Pengajaran	57
5.2.3	Peningkatan Tahap Pendidikan Terhadap Proses P&P	58
5.2.4	Peningkatan Tahap Pendidikan Terhadap Peningkatan Minat	58
5.2.5	Peningkatan Tahap Pendidikan Terhadap Profesionalisme	58
5.3	Kesimpulan	60
5.4	Cadangan	61
5.3.1	Cadangan Hasil kajian	61
5.3.2	Cadangan Lanjutan Kajian	62
5.5	Penutup	62

BIBLIOGRAFI	63
LAMPIRAN	69

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Jumlah Pensyarah Mengikut Jabatan	7
2.1	Kepuasan Kerja Berdasarkan Teori Hierarki Maslow	29
3.1	Skala Likert	33
3.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	34
3.3	Jumlah Responden Mengikut Jabatan Di Politeknik	36
3.4	Skala Tafsiran Julat Min	37
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Aspek Jantina	41
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Aspek Umur	42
4.3	Skor Min Bagi Item Penguasaan Ilmu pengetahuan Pensyarah Dari Persepsi Pelajar	45
4.4	Skor Min Bagi Item Kemahiran pengajaran Pensyarah dari Persepsi Pelajar	47
4.5	Skor Min Bagi Item Proses P&P Pensyarah Dari Persepsi Pelajar	49
4.6	Skor Min Bagi Item Peningkatan Minat Pensyarah Dari Persepsi Pelajar	51
4.7	Skor Min Bagi Item Profesionalisme Pensyarah Dari Persepsi Pelajar	53

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Teori Hierarki Maslow Keperluan	27

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	68
B	Kajian Rintis	73
C	Keputusan Ujian Skor Min	78

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Alaf baru kini menyaksikan perubahan dunia terutama dari segi teknologi dan ledakan maklumat. Pendidikan di Malaysia turut mengalami perubahan yang berterusan selaras dengan falsafah pendidikan Malaysia iaitu :

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Sufean Hussin, 1996)

Perubahan yang dapat dilihat dalam pendidikan Malaysia adalah dari segi kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran (P & P), penilaian dan pengukuran dalam sesuatu mata pelajaran yang diadakan. Semua perubahan ini menjurus ke arah pendidikan yang berkualiti untuk merealisasikan Wawasan 2020. Selaras dengan ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan siswazah dan tenaga pengajar politeknik yang cemerlang untuk menghasilkan kecemerlangan pelajar alaf baru yang kreatif dan kritis agar dapat bersaing dalam dunia global ini. Untuk mencapai kecemerlangan akademik, maka tenaga pengajar atau pensyarah politeknik haruslah memiliki kemantapan ilmu, keyakinan diri, ketrampilan personaliti dan sentiasa berdaya maju dalam proses penyebaran ilmu kerana pencapaian akademik para pelajar bergantung kepada pemahaman dan pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran antara pensyarah dan pelajar.

Pensyarah politeknik khususnya merupakan tunggak kejayaan pelajar. Pensyarah cemerlang bukan sahaja dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya tetapi harus memiliki keperibadian diri yang tinggi, proaktif dan bertanggungjawab serta sentiasa prihatin terhadap tugas dan peranan mereka sebagai komponen penting dalam merealisasikan matlamat, visi dan misi pendidikan negara khususnya dalam pendidikan teknik dan vokasional, bersesuaian dengan tema 'K-Pekerja Peneraju Menghadapi Cabaran Globalisasi' yang dipilih menjadi tema Hari Pekerja pada tahun 2002. Umumnya, pendidikan teknik dan vokasional ini dikatakan sebagai satu pendekatan pengajaran yang berbeza dengan pendekatan pendidikan secara tradisional. Melalui sistem pendidikan ini mampu untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

Untuk mencapai wawasan 2020, negara kita yang semakin pesat membangun pastinya memerlukan sumber manusia yang dapat diisi dalam pelbagai sektor termasuklah perkhidmatan industri, perusahaan, pengangkutan, pembuatan, komunikasi,

teknologi maklumat dan pertanian sama ada di sektor awam atau swasta (Mohd Yahya Mohamed Ariffin dan Roseliza Murni Ab.Rahman, 2002).

Tujuan utama sistem pendidikan teknik dan vokasional adalah untuk memberikan pelajar ilmu pengetahuan dan kemahiran serta membentuk kecenderungan dalam bidang teknik dan vokasional bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang terlatih di negara ini. Melalui sistem ini juga dapat membantu di dalam bidang perindustrian dan proses pemodenan dengan memberi sumbangan gunatenaga untuk menjadikan industri lebih produktif. Konsep nilai yang paling penting dalam pendidikan teknik dan vokasional adalah ingin membina kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan tanggungjawab dalam diri seseorang supaya dapat digunakan secara berfaedah dan produktif. Adalah jelas bahawa para pensyarah mempunyai peranan yang besar dalam menentukan arah tuju organisasi pendidikan politeknik Malaysia. Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap negara industri, adalah penting rakyat diberi pendidikan seiring dengan keperluan swasta bagi bidang-bidang tertentu seperti pengeluaran, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Tun Dr Mahathir Mohamed dalam ucapannya ketika membentangkan RRJ3:

“Dalam memasuki abad ke-21, pembangunan sumber manusia adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan dilengkapi secukupnya dengan kemahiran dan kepakaran teknologi serta mempunyai kecerdasan berfikir yang tinggi (K-pekerja). Oleh itu, kita melabur sejumlah besar sumber-sumber kita dalam pendidikan dan latihan”.

Sistem pendidikan dan latihan akan berorientasikan semula supaya pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi oleh rakyat Malaysia akan dapat menyokong dengan berkesan pembangunan masyarakat berasaskan

pengetahuan.” (Malaysia’2001 :133).

Sikap, nilai dan prestasi guru mempunyai implikasi kepada peranan mereka bagi mewujudkan institusi yang berkualiti atau efektif. Prestasi yang dinyatakan di sini merujuk kepada tahap pendidikan guru tersebut dari segi ilmu pengetahuan dan maklumat yang terkini yang perlu diketahui oleh seseorang guru (Abd. Rahim,1990).

1.2 Latar Belakang Masalah

Politeknik merupakan sebuah institusi pendidikan yang penting untuk melahirkan para tenaga separuh mahir untuk mengisi keperluan industri negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, penekanan harus diberikan kepada usaha mewujudkan pensyarah yang berkesan.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, terdapat pensyarah politeknik yang terdiri daripada mereka yang memiliki Sijil Perguruan atau Diploma Perguruan. Pada masa ini kelayakan sijil atau diploma adalah memadai untuk mengajar di politeknik.

Pada tahun 1980-an, bilangan pensyarah politeknik yang memiliki ijazah pertama adalah kecil berbanding dengan pensyarah yang berkelulusan sijil atau diploma. Pada ketika itu peluang untuk bumiputera melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah tidak begitu meluas dan terhad kepada golongan tertentu sahaja. Kebanyakan maktab-maktab perguruan zaman itu hanya menawarkan pengajian peringkat sijil dan diploma sahaja.

Pada era 1990-an, Kementerian Pendidikan Malaysia mula membuka peluang kepada pensyarah-pensyarah politeknik yang hanya berkelulusan sijil dan diploma untuk menyambung pengajian mereka di universiti bagi meningkat tahap pendidikan seiring dengan perubahan maklumat dan peredaran zaman agar sentiasa memiliki pengetahuan yang terkini. Bila peluang ini dibuka, maka ramai pensyarah yang merebut peluang ini untuk meningkatkan tahap pendidikan masing-masing di peringkat ijazah pertama. Selain daripada dapat meningkatkan tahap pendidikan, secara tidak langsung tangga gaji pensyarah akan meningkat dan peluang kenaikan pangkat lebih terbuka.

Setelah mereka menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama, mereka akan kembali berkhidmat semula ke politeknik sebagai pensyarah. Berbekal pengalaman mengajar sebelum menyambung pengajian dengan peningkatan tahap pendidikan merupakan satu bonus kepada pensyarah ini untuk menjadi seorang pensyarah yang berkesan.

Oleh itu, adalah menjadi hasrat pengkaji untuk meninjau tahap pendidikan pensyarah yang sebelumnya hanya memiliki kelulusan sijil atau diploma, kemudiannya menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama. Setelah tamat pengajian, mereka kembali semula ke politeknik untuk kembali bertugas sebagai pensyarah. Tinjauan dilakukan ke atas pensyarah terbabit terhadap kerjayanya dari persepsi pelajar dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pengajaran, peningkatan proses P&P, peningkatan minat dan tahap profesionalisme pensyarah.

1.3 Penyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menggalakkan pembelajaran berterusan terutamanya di kalangan pendidikan agar ilmu yang dimiliki sentiasa bertambah dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Kerjaya perguruan merupakan salah satu profesion yang paling penting dalam pentadbiran negara kerana pendidikan merupakan tunggak utama ke arah kecemerlangan dan kemajuan negara. Bertepatan dengan perkembangan teknologi maklumat dan informasi (ICT), kerjaya perguruan berkembang pesat dan mengalami pelbagai perubahan yang menuntut golongan pendidik sentiasa mempertingkatkan pengetahuan mereka.

Memetik ucapan Menteri Besar Negeri Perak Y.A.B Dato' Seri Mohd Tajol Rosli sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Perak pada 21 Mei 2002 menyatakan bahawa:

“Kerjaya guru bukanlah kerjaya yang statik, sebaliknya perlu seiring dengan perkembangan semasa. Oleh itu warga pendidik hendaklah peka dengan perkembangan semasa, di samping menggemblengkan diri dalam mempertingkatkan ilmu dan kemahiran masing-masing. Warga pendidik juga perlu memperkukuh daya tahan serta memperlengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan bagi kepentingan diri, masyarakat dan profesion keguruan itu sendiri. Malah warga pendidik perlu mendahului kepekaan masing-masing terhadap perkembangan semasa sama ada dari sudut ilmu, maklumat dan kemahiran”

Berbekalkan pengalaman dan peningkatan pendidikan memberikan keyakinan kepada seorang pensyarah politeknik dalam kerjayanya. Perasaan terpinggir kerana

tidak memiliki ijazah terhapus dengan peluang yang telah diberikan untuk melanjutkan pengajian. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengkaji tentang peningkatan tahap pendidikan pensyarah terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pengajaran, proses P&P, peningkatan minat dan tahap profesionalisme daripada persepsi pelajar. Kajian dijalankan kerana didapati pada masa kini terdapat ramai pensyarah lama yang dahulu mengajar di politeknik hanya memiliki kelayakan sijil atau diploma, kemudian mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama. Kajian dijalankan ke atas pelajar semester akhir Kejuruteraan Elektrik, Awam, Mekanikal dan Perdagangan untuk mendapat maklum balas terhadap kajian yang dilakukan.

Kajian ini akan meninjau tahap peningkatan pendidikan pensyarah terhadap kerjayanya daripada segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran pengajaran, proses P&P, minat dan tahap profesionalisme pensyarah.

Jadual 1.1 : Jumlah Pensyarah Mengikut Jabatan

Jabatan	Tahap Pendidikan	Bil
Kejuruteraan Elektrik	Ijazah Pertama	4
Kejuruteraan Awam	Ijazah Pertama	3
Kejuruteraan Mekanikal	Ijazah Pertama	4
Perdagangan	Ijazah Pertama	3
Jumlah		14